

Tema burung Pesta Konvokesyen UPM



TEMA burung menjadi pilihan sempena penganjuran Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen (EPPK) Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-42 yang akan diadakan di UPM Serdang, Selangor bermula 25 hingga 31 Oktober ini.

Kecantikan pelbagai spesies burung yang terbang bebas di udara menjadi simbol dalam pesta tersebut untuk pengunjung mengenali UPM secara lebih dekat dengan maklumat terkini kejayaan terbaharu universiti dalam bidang penyelidikan sains dan teknologi.

Pesta konvokesyen pada kali ini turut dipenuhi dengan pelbagai aktiviti yang menarik dan ia merupakan pesta konvokesyen yang paling meriah yang akan diadakan.

Sambil meraikan kejayaan graduannya, para pengunjung turut berpeluang untuk



melawat gerai jualan dan pameran pertanian yang dibuka bermula jam 8 pagi hingga 10 malam dengan menjual pelbagai barangan termasuk pakaian, makanan, cenderamata, kraf tangan, aksesori wanita dan barangan perhiasan.

Selain gerai jualan dan program bercorak keagamaan, pesta tersebut turut dimeriahkan dengan pameran oleh agensi-agensi kerajaan dan swasta termasuk sesi taklimat penerangan program diploma dan ijazah UPM.

Apa yang paling menarik sempena EPPK kali ini, UPM turut membuka gerai jualan



UPM turut membuka gerai jualan tanaman orkid sempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM.

buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman herba dan orkid.

Selain itu, anak benih pelbagai jenis pokok dan buah-buahan turut dijual kepada pengunjung dengan harga yang berpatutan.

Sepanjang ekspo ini berlangsung, UPM turut

menganjurkan pameran haiwan ternakan seperti lembu dan kambing dalam usaha memperkenalkan pelbagai jenis baka yang dihasilkan oleh UPM kepada pasaran terbuka.

Pengunjung juga berpeluang untuk melihat secara lebih dekat arnab, kuda, burung dan unta.

Selain itu, orang ramai turut berpeluang untuk melawat Dusun *Humphrey* UPM yang menempatkan pelbagai jenis spesies pokok yang berusia lebih daripada 60 tahun antaranya ialah pokok mentega, bidara, sentul dan pelbagai jenis spesies lain.